

# Sejenak D' India beri pelbagai inspirasi buat warga UMS

4B 16/02/2011 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

**T**AMPIL dengan nama Sejenak D' India, sekali lagi Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Exco Kebajikan dan Keselamatan, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas), Kolej Kediaman Indah Permai (KKIP) menganjurkan program lawatan ke luar negara iaitu India.

Walaupun lawatan itu hanya mengambil masa selama lima hari bermula 2 hingga 6 Februari lepas, namun ia tidak menghalang ahli rombongan UMS untuk menimba seberapa banyak pengalaman, ilmu dan pendedahan untuk diaplikasi dalam pengajian di UMS.

Melibatkan seramai empat pelajar dan seorang pegawai pengiring yang



**TAJ MAHAL...Ahli rombongan sempat mengabdikan kenangan di hadapan salah sebuah benda ajaib di dunia iaitu Taj Mahal.**

Selain itu, salah seorang ahli rombongan, Mohd Shaifuddin Sudarmanto, berkata ketika mereka mengadakan program khidmat komuniti di salah sebuah perkampungan setinggan, beliau kagum dengan usaha pihak Aiga yang sanggup mengeluarkan belanja sendiri demi membantu masyarakat di kawasan itu.

"Dengan keadaan persekitaran kampung yang agak kotor dan tidak teratur, ditambah lagi dengan kepadatan jumlah penduduk yang mana hanya 15,000 buah rumah untuk menampung seramai 68 ribu jumlah keseluruhan penduduk, kita sendiri boleh menggambarkan betapa daifnya kebanyakan penduduk di situ," katanya.

Namun, jelasnya, keadaan itu tidak sedikitpun mematahkan semangat pihak Aiga untuk terus mengadakan program khidmat komuniti yang dijalankan lebih kurang enam kali setahun.

Shaifuddin berkata, semasa program itu mereka membantu pihak Aiga mengadakan pemeriksaan kesihatan serta memberikan bantuan berupa ubat-ubatan dan juga pakaian terpakai untuk penduduk di kampung itu.

"UMS juga berkesempatan

menghulurkan dana sebanyak RM2,500 (32,500 Rupee) untuk diberikan kepada pihak AMU bagi meringankan beban mereka dalam mengadakan program khidmat komuniti," jelasnya.

Apa yang diperolehi sepanjang lawatan itu sama ada dari segi pengetahuan, pendedahan dan juga pengalaman banyak memberi inspirasi kepada setiap ahli rombongan untuk membuat yang terbaik dalam mencapai kejayaan terutamanya di UMS.

Bagi Aliffirza sendiri, kesungguhan yang ditunjukkan oleh setiap pelajar di AMU yang belajar dalam keadaan serba kekurangan menjadikannya lebih menghargai apa yang ada di UMS.

"Para pelajar di negara ini perlu bersyukur dengan setiap kemudahan yang disediakan dan ubah mentaliti masing-masing dengan menghargai dan menggunakan sepenuhnya apa yang disediakan untuk kehidupan kita di universiti," katanya.

Walaupun perjalanan Sejenak D' India sudah melabuhkan tirainya, setiap pengalaman dan ilmu yang dikutip dan dikongsi sepanjang program itu bakal menjadi sebuah inspirasi baru untuk kecemerlangan akan datang.

**KERJASAMA...Wakil UMS (Dari kiri) Aliffirza, Sugunish A/L Sukumaren, Piakong (tiga kanan), Helldon Kuruput (dua kanan), dan Shaifuddin (kanan sekali) ketika disambut oleh pihak AMU, Abdul Azis (tengah) dan salah seorang pensyarah di situ.**

memandangkan ia sebuah universiti yang berusia lebih dari 100 tahun.

"Kami juga mengadakan pertemuan dengan Presiden Persatuan Pelajar di situ dan mereka menunjukkan minat untuk melanjutkan pelajaran di UMS," katanya ketika ditemui *Utusan Borneo* Isnin lepas.

Aliffirza menjelaskan, rombongan UMS turut berkesempatan bekerjasama dengan persatuan alumni universiti itu iaitu All India Graduates Association (Aiga) dengan mengadakan program khidmat komuniti di salah sebuah perkampungan setinggan di kawasan Aligarh.

Melalui pertemuan dengan Naib Canselor AMU, Profesor P.K Abdul Azis, katanya, pihak pentadbiran universiti itu berminat untuk menjalinkan perjanjian persefahaman (MoU) antara UMS dan AMU.

"Selain kagum dengan



**SUMBER PENDAPATAN...Berniaga dalam keadaan serba dhaif merupakan antara mata pencarian penduduk di kampung setinggan itu.**

inisiatif pelajar Malaysia yang mampu mengadakan program lawatan ke luar negara, pihak AMU juga mahu jalinan kerjasama itu akan memudahkan kedua-dua universiti," jelasnya.

Beliau berkata, walaupun berada dalam keadaan yang serba kekurangan terutamanya dari aspek kemudahan universiti, namun kesungguhan para pelajar di situ untuk

menuntut ilmu sedikit sebanyak menimbulkan rasa kagum kepada pihak UMS.

Tambahnya, dengan jumlah kemudahan yang sedikit itulah, semua pelajar di situ mengaplikasikan sepenuhnya dengan apa yang mereka ada dengan tidak menisai-ai apa yang dapat disediakan pihak AMU baik dari segi kemudahan pembelajaran ataupun perkhidmatan lain.



**CENDERAHATI...Piakong menerima cenderahati tanda kenangan daripada AMU yang disampaikan oleh Abdul Azis.**

juga Pengetua KKIP, Prof Madya Dr. Piakong Mohd Tuah, usaha rombongan kecil ini seharusnya dipuji kerana walau datang dengan bilangan yang kecil namun harapan dan semangat yang dibawa begitu besar untuk dicurahkan dan dikongsikan bersama.

Pengarah Program Sejenak D' India yang juga Yang Dipertua KKIP, Aliffirza Zakaria,

berkata lawatan berkenaan dijalankan dengan sesi lawatan ke beberapa kawasan menarik di India termasuklah India Gates di New Delhi, Taj Mahal di Agra, Agra Fort dan Aligarh Muslim University (AMU).

Menurutnya, fokus utama lawatan berkenaan adalah di AMU yang mana pihaknya mahu mendapat pendedahan dari segi pentadbiran universiti itu